

CABARAN MAHASISWA DAN MAHASISWI TVET DALAM
MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI
PENCIPTA KERJAYA

NUR SYAFIRAH BINTI RAHMAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada _____

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NUR SYAFIRAH BINTI RAHMAN** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **CABARAN MAHASISWA DAN MAHASISWI TVET DALAM MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI PENCIPTA KERJAYA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

(NUR SYAFIRAH BINTI RAHMAN)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESSOR MADYA DR. ZALIZA BINTI HANAPI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **CABARAN MAHASISWA DAN MAHASISWI TVET DALAM MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI PENCIPTA KERJAYA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

Tarikh _____

(Professor Madya Dr. Zaliza Binti Hanapi)



BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN "[LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR]"
DECLARATION OF CHALLENGES OF "[FINAL YEAR PROJECT REPORT]"

Tajuk / Title: CABARAN MAHASISWA DAN MAHASISWI TVET DALAM MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI PENCIPTA KERJAYA

No. Matrik /Matric's No.: D20191089740

Saya / I: NUR SYAFIRAH BINTI RAHMAN

mengaku membenarkan [Laporan Projek Tahun Akhir] (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut-

acknowledged that my [Final Year Project Report] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hak milik UPSI.
The final year project report is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Laporan Projek Tahun Akhir ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the final year project report for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/Signature of Student)

(Tandatangan penyelia/Signature of supervisor)

Tarikh/Date: _____

(Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, pembangunan projek tahun akhir ini berjaya disempurnakan oleh saya walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam menyiapkan projek tahun akhir ini bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh segulung ijazah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof Madya Dr Zaliza Binti Hanapi, selaku penyelia projek yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam pembangunan kajian ini tanpa penat dan jemu kepada saya. Tanpa bimbingan beliau pastinya tesis ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta iaitu Encik Rahman Bin Damit, Puan Hamisah Binti Suntak dan Muhammad Syafiq Aqil Bin Rahman kerana sentiasa memberikan galakkan, nasihat dan juga bantuan kewangan kepada saya sepanjang menyempurnakan projek tahun akhir. Walaupun anakanda jauh daripada ayahanda serta bonda namun tak pernah jemu untuk memberi semangat.

Tidak dilupakan buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa ada menemani, memberikan tunjuk ajar, sokongan moral dalam menyempurnakan projek tahun akhir ini tanpa belah bahagi.

CHALLENGES OF TVET STUDENTS IN INTEGRATING ENTREPRENEURSHIP SKILLS AS JOB CREATORS

ABSTRACT

Technical and Vocational Education and Training (TVET) field is one of the most sought-after fields, especially in Malaysia to improve our country's economy. The youths, especially the TVET graduates, is our nation's hope to produce young entrepreneurs among them. Therefore, this research focused to study the ability and the challenges faced by TVET students as job creators for the society. The objectives for this study are to understand the experts' point of views on to what extent the aspects of entrepreneurial skills exist among TVET students, to determine the relationship between the technical skills and the entrepreneurial skills learned among TVET students in the university, to discover the challenges faced by the students of technical and vocational (TVET) to apply the entrepreneurial skills as job creators and lastly, to find out the opportunities that TVET students can pursue in the world of business and trade. Next, the design of this study is qualitative, where semi-structured interview was conducted using the inventory questions protocol that have been created. The questions for the interview have been approved by two TVET expert panels. The research findings found that the level of entrepreneurial skills in TVET students are at a moderate level. Also, it is found that time management is the main challenge faced by TVET students to manage their businesses.



CABARAN MAHASISWA DAN MAHASISWI TVET DALAM MENINGTEGRASIKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN SEBAGAI PENCIPTA KERJAYA

ABSTRAK

Bidang teknikal dan vokasional (TVET) sekarang merupakan salah satu bidang yang sangat diperlukan di Malaysia terutamanya dalam meningkatkan ekonomi negara. Generasi muda iaitu mahasiswa dan mahasiswi bidang teknikal dan vokasional (TVET) merupakan harapan bagi melahirkan usahawan muda dalam kalangan mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik tentang keupayaan serta cabaran yang dihadapi mahasiswa dan mahasiswi teknikal dan vokasional (TVET) sebagai pencipta kerjaya kepada masyarakat. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti pandangan pakar terhadap sejauhmanakah aspek kemahiran keusahawanan yang wujud dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET), mengenal pasti perkaitan di antara kemahiran teknikal dengan kemahiran keusahawanan yang dipelajari dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) di Universiti, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam mengaplikasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya dan mengenal pasti peluang-peluang yang boleh diceburi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam dunia perniagaan. Seterusnya, reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur berdasarkan soalan inventori protokol yang telah dibina. Pengesahan soalan temu bual telah dibuat melalui dua orang panel pakar dalam bidang TVET. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran keusahawanan dalam diri pelajar TVET adalah pada tahap yang sederhana. Selain itu, pengurusan masa adalah cabaran utama yang dihadapi oleh mahasiswa dan mahasiswi teknikal dan vokasional (TVET) dalam menguruskan perniagaan mereka





SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN	i
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRACT	iv
ABSTRAK	v
SENARAI KANDUNGAN	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	5
1.4 Kerangka Teori.....	7
1.4.1 Teori Perlakuan Terancang	7
1.4.2 Teori Brikolaj.....	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian.....	10
1.7 Kepentingan Kajian.....	11
1.8 Batasan Kajian.....	12
1.9 Definisi Kajian	13
1.9.1 TVET	13
1.9.2 Kemahiran Keusahawanan.....	14
1.9.3 Pencipta Kerjaya.....	15
1.10 Rumusan.....	16
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Konsep Kemahiran Keusahawanan.....	18



2.3	Teori Kemahiran Keusahawanan	19
2.3.1	Teori Perlakuan Terancang / Teori Tingkah Laku Terancang	20
2.3.2	Teori Brikolaj.....	21
2.3.3	Teori kecerdasan pelbagai (Gardner 1983).....	22
2.4	Kerangka Kemahiran Keusahawanan	23
2.4.1	Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025	23
2.5	Elemen dalam Kemahiran Keusahawanan.....	24
2.5.1	Pemasaran.....	25
2.5.2	Produk	25
2.5.3	Pendidikan Kewangan	26
2.6	Kajian Lepas.....	26
2.6.1	Masalah Pengangguran Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi..	27
2.6.2	Kemahiran Keusahawanan.....	29
2.6.3	Pencipta Kerjaya.....	30
2.7	Rumusan.....	31
BAB 3	METODOLOGI.....	32
3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Populasi dan Sampel Kajian.....	34
3.4	Instrumen Kajian	34
3.4.1	Temu bual.....	35
3.5	Kajian rintis.....	39
3.6	Pembangunan Soalan Bagi Temu bual.....	40
3.7	Kesahan Pembangunan Soalan Temu bual	40
3.8	Analisis Data	41
3.9	Rumusan.....	42

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 43

- 4.1 Pengenalan 43
- 4.2 Objektif Kajian Pertama: Mengenal pasti pandangan pakar terhadap sejauhmanakah aspek kemahiran keusahawanan yang wujud dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) 44
- 4.3 Objektif Kajian Kedua: Mengenal pasti perkaitan di antara kemahiran teknikal dengan kemahiran keusahawanan yang dipelajari dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) di universiti..... 48
- 4.4 Objektif Kajian Ketiga: Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam mengaplikasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya. 53
- 4.5 Objektif Kajian Keempat: Mengenal pasti peluang-peluang yang boleh diceburi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam dunia perniagaan 56

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 61

- 5.1 Pengenalan 61
- 5.2 Rumusan Dapatan Kajian..... 62
 - 5.2.1 Rumusan Keseluruhan Berdasarkan Dapatan Kajian 62
- 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 65
 - 5.3.1 Objektif 1: Sejauhmana Aspek Kemahiran Keusahawanan Yang Wujud Dalam Kalangan Pelajar Teknikal Dan Vokasional (TVET) 65
 - 5.3.2 Objektif 2: Perkaitan Di Antara Kemahiran Teknikal Dengan Kemahiran Keusahawanan Yang Dipelajari Dalam Kalangan Pelajar Teknikal Dan Vokasional (TVET) Di Universiti 67
 - 5.3.3 Objektif 3: Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Bidang Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Mengaplikasikan Kemahiran Keusahawanan Sebagai Pencipta Kerjaya 68
 - 5.3.4 Objektif 4: Peluang-Peluang Yang Boleh Diceburi Oleh Pelajar Bidang Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Dunia Perniagaan 70

5.4	Cadangan dan Penambahbaikan.....	71
5.5	Kesimpulan.....	73
RUJUKAN		75
LAMPIRAN.....		80

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bidang keusahawanan merupakan bidang yang telah lama wujud sejak zaman dahulu lagi iaitu ketika munculnya sistem bater dalam perdagangan masyarakat melayu terdahulu justeru keusahawanan bukanlah suatu bidang yang baharu di Malaysia. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada perdagangan antarabangsa iaitu kedatangan pedagang asing dan perdagangan negara luar pada Zaman Kerajaan Melayu Melaka (Nor Aishah 2002; Shukor 2003; Zafir & Fazilah

2003; Norashidah, Norasmah & Noraishah 2009). Kemahiran keusahawanan sebenarnya mampu dipelajari, dibentuk dan dikuasai oleh seseorang individu yang melalui proses pendidikan keusahawanan ataupun pengalaman yang telah diperolehi sebelum atau semasa terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Oleh hal yang demikian, pendidikan di Malaysia telahpun menerapkan bidang keusahawanan di dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi khususnya dalam melahirkan minat dalam dunia keusahawanan. mahasiswa dan mahasiswi di universiti turut diterapkan dalam kursus wajib yang diambil ketika di universiti. Pendekatan ini adalah sangat sesuai untuk mahasiswa dan mahasiswi TVET untuk mengasah bakat yang ada dan dipasarkan kemahiran yang ada pada diri mereka kepada luar. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Shafarizan Abd Samad, Mohamad Khairi Othman & Muhamad Dzahir Kasa (2019), pada abad ke-21 pertumbuhan ekonomi sesebuah negara amat memerlukan pekerja teknikal yang berpengetahuan dan berkemahiran serta dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan teknologi. Oleh hal yang demikian, mahasiswa dan mahasiswi TVET ini sebenarnya merupakan pewaris atau pencipta kerjaya dalam meningkatkan sektor keusahawanan. Menurut Arasinah, Ab.Rahim & Ramlah (2014), institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) menyasarkan latihan berbentuk kemahiran teknikal kepada pelajar yang boleh dipasarkan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Justeru, satu penyelidikan dilaksanakan bagi mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar teknikal dan vokasional (TVET) dalam meneruskan kemahiran keusahawanan sewaktu dalam pengajian mereka di universiti.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mahasiswa dan mahasiswi TVET khususnya telah didedahkan dengan kemahiran-kemahiran yang dipelajari di universiti. Perkara ini sepatutnya menjadi kelebihan kepada mahasiswa dan mahasiswi TVET untuk mencipta kerjaya baharu. Perkara ini disokong dengan kenyataan daripada media berita harian pada 22 Jun 2022 oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mansor Othman, melalui konsep 'mencipta pekerjaan' dan 'universiti kepada komuniti' di mana kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi giat turun padang dalam memberi sokongan serta penambahbaikan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar TVET daripada pelbagai sektor. Sebagai contoh, perkhidmatan perniagaan yang hanya dilakukan secara dalam talian menghasilkan pendapatan sangat tinggi dan ia menarik perhatian pelbagai pihak.

Bidang keusahawanan merupakan tapak untuk mahasiswa dan mahasiswi TVET merebut peluang untuk mencipta kerjaya tersendiri. Pelbagai bantuan, kemudahan serta kursus yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. TVET adalah kaedah pendidikan dan latihan yang menyediakan individu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk berjaya dalam alam pekerjaan dan lazimnya menekankan amalan industri. Petikan ini diucapkan oleh Ts Zainab Ahmad pada tahun 2021 di dalam akhbar metro harian. Mahasiswa dan mahasiswi TVET diperakui potensi mereka melalui aliran pendidikan teknikal dan vokasional yang sistematik di institusi pendidikan masing-masing. Menurut Dzulhailmi (2019), walaupun di sebalik kemelut akreditasi atau pengiktirafan

graduan TVET di Malaysia yang masih hangat diperkatakan, namun dari satu sudut yang lain, graduan TVET dilihat paling berpotensi untuk disediakan sebagai penjana pekerjaan yang mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah pengangguran dalam kalangan golongan muda disebabkan kemahiran tertentu yang dilatih ke atas mereka.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2016) tentang kebolehpasaran graduan TVET telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang memberangsangkan bagi tahun 2016 di mana universiti-universiti teknikal Malaysia (MTUN) menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahap 87.1% disusuli dengan Politeknik (88.6%) dan Kolej Komuniti (97.2%). Walaupun senario ini dilihat positif daripada satu sudut, namun data ini dilihat terus menyumbang kepada pencapaian Malaysia yang rendah dari aspek hasrat menjadi usahawan (*entrepreneurial intention*) (UNIRAZAK, 2015) terutamanya melibatkan graduan TVET.

Menurut Hussaini et al (2009), kemahiran keusahawanan adalah gabungan semangat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Hal ini merumuskan bahawa pelajar TVET sebenarnya mampu untuk mencipta kerjaya (*Job creator*) kepada masyarakat melalui aktiviti keusahawanan yang dipupuk melalui subjek khusus iaitu budaya keusahawanan. Melalui ini, sikap dan minat dalam dunia keusahawanan mampu dipupuk.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan keusahawanan kini telahpun disyaratkan untuk mahasiswa dan mahasiswi universiti untuk mengambilnya bagi memenuhi syarat bergraduasi. Mahasiswa dan mahasiswi akan didedahkan dengan selok belok perniagaan bagi mengusahakan sesuatu bidang keusahawanan. Perkara ini adalah berdasarkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 yang dimana polisi kerajaan ingin menyasarkan 100% pelajar IPT akan mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020 di bawah Strategi Membangunkan Kurikulum Holistik dan Bersepadu melalui Inisiatif: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian. Perkara ini adalah berfokuskan terhadap Inisiatif dimana Melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan ataupun *Job Creator Framework*, yang terletak di bawah Strategi Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, kerajaan sebelum ini telah menyasarkan 5% daripada jumlah pelajar IPT yang bergraduasi akan bekerja sendiri atau menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mahasiswa dan mahasiswi TVET menjelang tahun 2020.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian mahasiswa dan mahasiswi TVET yang berkemahiran tidak menggunakan platform sedia ada untuk mencipta kerjaya mereka. Implikasinya, peningkatan jumlah pengangguran masih berlaku dalam kalangan graduan. Menurut Pandey dan

Pandey (2015) pada 2014 sahaja terdapat lebih 430 juta orang yang menganggur berusia antara 15-34 tahun. Angka ini jelas menunjukkan bahawa golongan muda terutamanya mahasiswa dan mahasiswi tidak mencuba untuk mengintegrasikan kemahiran keusahawaan dalam mencipta peluang pekerjaan yang baru. Adalah menjadi satu kerugian besar kepada negara jika peruntukan yang sepatutnya melahirkan tenaga mahir negara bagi mengisi keperluan sektor TVET tidak dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan pengaliran bakat sumber manusia ini ke dalam sektor pekerjaan yang lain (Shafarizan Abd Samad, Mohamad Khairi Othman & Muhamad Dzahir Kasa, 2019). Persepsi umum dan stigma masyarakat yang masih menganggap TVET bidang pilihan kedua serta seolah-olah hanya untuk mereka yang tidak berjaya, masih menebal dalam masyarakat kita. Lantaran itu, persepsi ini harus dipulih dan salah satu idea adalah menukar nama atau istilah TVET itu sendiri. (Berita Harian, 2019).

Menurut Olugbola (2017) kenyataannya ramai anak muda hari ini nampak peluang keusahawanan disekeliling mereka, namun tidak semua mampu merealisasikan kepada usaha teroka. Ini kerana kemampuan mengambil peluang yang ada bergantung kepada tahap kesediaan keusahawanan dalam diri mereka sama ada bersedia ataupun tidak untuk mengharungi cabaran-cabaran menjadi seorang pencipta kerjaya.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan serta cabaran yang berlaku dalam memasarkan kemahiran TVET di luar serta mengenalpasti peluang-peluang yang boleh diceburi oleh mahasiswa dan mahasiswi TVET dalam dunia perniagaan.

1.4 Kerangka Teori

Kursus keusahawanan telah menjadi pemangkin kepada pembangunan pendidikan keusahawanan di dalam dan di luar negara (Collins, Hannon, & Smith, 2004; Verblane & Mets, 2010; Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor, 2017). Selain itu, kajian yang dilakukan menunjukkan pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan graduan (Katz, 2003; Solomon et. al., 2002; Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor, 2017). Oleh hal yang demikian, di dalam kajian ini penyelidik akan mengemukakan beberapa teori yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan. Berikut merupakan teori yang digunakan:

1.4.1 Teori Perlakuan Terancang

Teori tingkah laku terancang Ajzen atau teori perlakuan terancang Ajzen (1991) merupakan teori yang menceritakan tentang tingkah laku manusia. Teori ini merupakan model lanjutan yang telah diubah suai daripada Teori Tindakan Bersebab (*Theory of Reasoned Action*) yang dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen pada tahun 1975 berikutan dengan kelemahan yang terdapat dalam teori berkenaan. Di samping itu, teori perlakuan terancang (*Theory Of Planned Behavior*) ini bertindak dalam membezakan antara tiga jenis kepercayaan iaitu tingkah laku, normatif, dan kawalan yang wujud di antara pembinaan tingkah laku, norma

subjektif dan gambaran kawalan tingkah laku. Teori ini menjadi titik permulaan kerana setiap tindakan akan di dahului dengan niat dan tingkah laku individu. Dalam konteks ini, tahap keinginan dianggap dapat mengungkap faktor motivasi yang dipengaruhi sesuatu tingkah laku (Ajzen 1991). Hisrich (2008) percaya individu dikatakan mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan apabila memperlihatkan kemungkinan yang nyata ke atas tindakan yang dikehendaki. Dalam konteks keusahawanan ini, seseorang individu perlu mempunyai niat di hati untuk menjalankan sebuah perniagaan sebagai tingkah laku dalam mencipta sebuah kerjaya baru kepada masyarakat.

1.4.2 Teori Brikolaj

Teori *Bricolage* telah dibangunkan oleh Baker dan Nelson (2005) tentang penyelidikan Penrose (1959) iaitu Penrose hanya memfokuskan kepada kejayaan pertumbuhan syarikat yang ditubuhkan tanpa memberi model yang munasabah terhadap bagaimana syarikat tersebut mampu dibina dengan persekitaran sumber yang sesuai. Oleh hal yang demikian, Baker dan Neslon (2005) telah mengolah semula atau mendefinisikan semula teori Brikolaj ini sebagai melakukan sesuatu dengan menggabungkan sumber-sumber yang dimiliki untuk menyelesaikan permasalahan dan mencipta peluang baru. Berdasarkan senarai oleh Levi-Strauss (1967) dalam Baker Nelson (2005), terdapat tiga elemen yang ditekankan iaitu sumber yang dimiliki,

menggabungkan semula sumber-sumber untuk tujuan yang baru dan melakukan sesuatu. Di dalam konteks ini bermaksud untuk mewujudkan suatu perniagaan atau kerjaya baru kebiasaanya wujudnya satu permasalahan yang akan menimbulkan penciptaan suatu kerjaya atau perniagaan tersebut. Justeru, di dalam konteks kajian ini teori Brikolaj digunakan dalam membentuk pengetahuan usahawan dalam menggunakan sumber yang terdapat disekelilingnya dalam proses membangunkan keusahawanan.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pandangan pakar terhadap sejauhmanakah aspek kemahiran keusahawanan yang wujud dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET).
2. Mengenal pasti perkaitan di antara kemahiran teknikal dengan kemahiran keusahawanan yang dipelajari dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) di Universiti.
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam mengaplikasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya.

4. Mengenal pasti peluang-peluang yang boleh diceburi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam dunia perniagaan.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Sejauhmanakah aspek kemahiran keusahawanan yang wujud dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) ini berdasarkan pandangan pakar?
2. Apakah perkaitan di antara kemahiran teknikal dengan kemahiran keusahawanan yang dipelajari dalam kalangan pelajar teknikal dan vokasional (TVET) di universiti?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam mengaplikasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya?
4. Adakah terdapat peluang-peluang yang boleh diceburi oleh pelajar bidang teknikal dan vokasional (TVET) dalam dunia perniagaan?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian pertama kali yang dihasilkan oleh pengkaji dan belum terdapat mana-mana kajian yang dijalankan sebelum ini berkaitan dengan cabaran mahasiswa dan mahasiswi TVET dalam mengintegrasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain untuk menyelidik akan memberi satu gambaran tentang permasalahan yang berlaku oleh mahasiswa dan mahasiswi TVET. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian di Malaysia berkaitan pelajar TVET dan bidang keusahawanan dilihat banyak memberi tumpuan kepada faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap bidang ini, pada masa yang sama mengukur tahap kesediaan mereka (Eriniwati, 2014; Mohd Hassan, 2007; Azilahwati, Syaharizad & Muhammad Helmi, 2015; Yusrizal, 2012; Adam, Abdul Razak & Abu Bakar, 2011; Dzuhaulmi et al., 2019). Manakala, kajian yang memberi tumpuan kepada faktor kekangan menceburi bidang keusahawanan dalam konteks tempatan pula banyak melibatkan sampel pelajar IPT pelbagai bidang dan orang awam (Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin, 2009; Muhamad Fadir, 2012; Wan Nor Dalilah, 2008; Dzuhaulmi Dahalan, Jeffrey Lawrence D'silva, Ismi Arif Ismail & Nor Aini Mohamed, 2019). Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting bagi melihat sudut cabaran pula mahasiswa dan mahasiswi TVET dalam mengintergrasikan kemahiran keusahawanan mereka sebagai pencipta kerjaya di masa depan. Kepentingan kajian ini turut diharapkan dapat membantu pihak kerajaan dalam mengesan punca dan sebab graduan TVET tidak berminat dalam mengintergrasikan kemahiran keusahawanan sungguhpun telah mempelajarinya

di universiti serta diharapkan agar pihak kementian pengajian tinggi dapat berkerjasama dengan pihak swasta dalam membuka peluang pekerjaan kepada graduan melalui pendekatan yang sesuai setelah mahasiswa dan mahasiswi bergraduasi.

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang terlalu besar serta tempoh masa untuk mendapatkan hasil kajian juga terhad iaitu hanya 8 minggu sahaja. Pengkaji juga membataskan kajian terhadap mahasiswa dan mahasiswi TVET di sebuah universiti awam di Malaysia. Fokus diberikan terhadap mahasiswa dan mahasiswi TVET di dalam fakulti teknikal dan vokasional (FTV) yang mempunyai perniagaan sendiri yang berada di semester 5 keatas dan beberapa orang panel pakar bagi mendapatkan sudut pandangan berkenaan dengan penyelidikan ini. Seramai 6 orang responden yang akan ditemu bual sama ada secara atas talian atau secara bersemuka. Selain itu, batasan kajian yang bakal dihadapi adalah untuk mendapat kesahan temu bual sebelum melaksanakan temu bual tersebut. Batasan kajian yang seterusnya adalah masa untuk mengekstrak isi temu bual dengan teliti untuk mendapatkan maklumat kajian yang diinginkan. Akhir sekali, perbezaan tahap pengetahuan, jenis keusahawanan dan jantina mampu mempengaruhi dapatan kajian yang diinginkan.

1.9 Definisi Kajian

Definisi kajian bermaksud takrifan terhadap beberapa perkataan dalam satu bentuk ayat yang lengkap. Definisi terhadap sesuatu istilah sangat penting dalam sebuah kajian yang hendak dijalankan. Definisi kajian oleh Bartlett (2001), berpendapat kajian bermaksud pengumpulan data yang sistematik, pembentangan, dan juga analisis data. Kajian digunakan untuk mengumpul maklumat yang kita gunakan seharian dalam erti kata sistematik untuk memajukan teori atau menyelesaikan masalah. Berikut merupakan beberapa istilah yang digunakan dalam membuat kajian ini:

TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET adalah suatu proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utamanya adalah terhadap amalan industri. *United Nations Organisation for Education, Science and Culture* (UNESCO) dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK-10) mentakrifkan TVET sebagai proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang sains dan teknologi, latihan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan juga kehidupan sosial (Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), 2015). Ini bermaksud pendidikan TVET adalah satu pendidikan

yang mampu untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran di luar sekolah mahupun institusi. Menurut Affendy (2019), pendidikan TVET adalah sebuah laluan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi dan mampu menghadapi saingan dan risiko-risiko pada peringkat global dan serantau selaras dengan keperluan semasa sekaligus meletakkan negara pada prestasi yang kukuh bagi pembangunan masa depan. Justeru, pendidikan TVET adalah sangat penting dalam pembangunan kemajuan negara sekarang dalam melahirkan modal insan yang terbaik dalam menjaga ekonomi negara.

1.9.2 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang menitik beratkan akan dunia perniagaan. Ini bermaksud kemahiran keusahawanan ini adalah kepakaran dalam selok belok bisnis di pasaran. Selain itu, menurut Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan & Nor Aisyah Buang (2010), kemahiran keusahawanan bolehlah dirumuskan sebagai minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko (*risk awareness*), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Seterusnya, kemahiran keusahawanan ini merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah (*soft skills*) yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar sama ada dari peringkat pengajian rendah

atau peringkat pengajian tinggi (Norasmah et al, 2003). Hal ini dikatakan demikian kerana, bidang Keusahawanan dianggap berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ia merupakan landasan kepada pembangunan insan (Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan & Nor Aisyah Buang, 2010). Pendedahan terhadap budaya keusahawanan ini adalah menepati hasrat dan objektif pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan (Rosli Mahmood et al, 2008). Justeru, kemahiran keusahawan ini sebenarnya adalah satu kemahiran yang boleh diasah atau dipelajari melalui pendidikan keusahawan sejak dibangku sekolah lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, mahasiswa dan mahasiswi yang telah menjalani pendidikan keusahawan serta mempunyai kemahiran ini kebarangkalian berpeluang untuk memulakan perniagaan baru mereka sendiri. Oleh hal yang demikian, dalam konteks kajian ini, kemahiran keusahawanan adalah kunci utama bagi mahasiswa dan mahasiswi TVET dalam mengintegrasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya.

1.9.3 Pencipta Kerjaya

Pencipta kerjaya dapat didefinisikan sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap sesuatu kewujudan pekerjaan di pasaran dan ianya sudah dikenali orang masyarakat setempat. Pencipta kerjaya ini tidak mengenal usia baik tua atau muda dalam mencipta sesebuah

pekerjaan yang bermanfaat terhadap diri pencipta dengan orang lain untuk mencafi nafkah. Oleh hal yang demikian, penumpuan pada bidang keusahawanan diberikan tumpuan agar wujudnya satu paradigma berlaku dalam minda mahasiswa dan mahasiswi bahawa cita-cita dan aspirasi seseorang tidak terhad hanya untuk mencari pekerjaan. Justeru, mahasiswa dan mahasiswi yang berani akan mengambil peluang yang ada bagi graduan mencipta kerjaya sementara menunggu pekerjaan yang tetap ataupun menjadi individu yang mencari pekerja dalam memberikan manfaat terhadap orang lain disekelilingnya.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi mengumpulkan maklumat tentang cabaran mahasiswa dan mahasiswi TVET dalam mengintegrasikan kemahiran keusahawanan sebagai pencipta kerjaya. Di samping itu, terdapat objektif kajian serta persoalan kajian yang dibina dalam kajian untuk mendapatkan hasil kajian seperti dimahukan oleh pengkaji. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat diteruskan oleh pengkaji akan datang serta menambahbaik modul yang diciptakan bagi mendapat maklumat data yang baru.